

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
TINGKAT 9-14, BANGUNAN  
U.M.B.C.,  
JALAN SULAIMAN,  
KUALA LUMPUR.

14hb. April, 1975.

## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1975

### Borang-borang Baharu Bagi Menyediakan Kertas-kertas Tamat Perkhidmatan

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah menyediakan satu set borang-borang baharu yang terdiri daripada 14 jenis borang-borang yang harus digunakan bagi menyediakan kertas-kertas tamat perkhidmatan serta dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang-borang ini adalah menggantikan borang-borang yang dipakai sekarang ini. Contoh semua borang-borang baharu ini adalah dilampirkan dengan Surat Pekeliling ini, kecuali Pen. 4, Pen. 7, Pen. 8, Pen. 12 yang hanya akan diedarkan kepada Pendaftar, Mahkamah Persekutuan untuk kegunaannya sambil Pen. 5 dan Pen. 6 diedarkan kepada Setiausaha Dewan Rakyat/Parlimen sahaja untuk kegunaannya pula.

2. Borang-borang baharu ini adalah seperti berikut:

- (i) Pen.1 PERMOHONAN FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN/ELAUN  
- KECEDERAAN/PENCEN TANGGUNGAN;

Borang ini adalah menggantikan borang Kew. 100 yang dipakai sekarang ini, dan harus digunakan bagi menyediakan kertas-kertas tamat perkhidmatan yang terdiri daripada pencen, elaun tahunan, ganjaran elaun kecederaan dan pencen tanggungan dibawah Ordinan Pencen, 1951 dan Peraturan-peraturan Pencen, bagi permohonan ganjaran dibawah **Surat Pekeliling Am Bil. 7 Tahun, 1973**, yang layak dibayar kepada Setiausaha-setiausaha Politik kepada Y.B. Menteri-menteri.

- (ii) Pen.2 PERMOHONAN PENCEN DAN/ATAU GANJARAN  
- TERBITAN KERANA KEMATIAN DALAM PERKHIDMATAN  
[SEKSYEN 17(1), ORDINAN PENCEN, 1951 SEBAGAIMANA  
DIPINDA OLEH AKTA PENCEN (PINDAAN) (NO. 2), 1972];

Borang ini adalah menggantikan Lampiran 'A' kepada [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1971](#), dan harus digunakan bagi menyediakan kertas-kertas tamat perkhidmatan yang terdiri daripada ganjaran terbitan dan pencen terbitan atau ganjaran terbitan sahaja yang dibayar dibawah Seksyen 17(1), Ordinan Pencen, 1951 (Pindaan) kepada orang-orang tanggungan pekerja-pekerja Kerajaan yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.

- (iii) Pen.3 PERMOHONAN GANJARAN KERANA KEMATIAN DALAM  
- PERKHIDMATAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI YANG TIDAK  
TERTAKLUK KEPADA SISTEM GAJI BERSIH (PEKELILING  
PERKHIDMATAN BIL. 9 TAHUN 1959);

Borang ini adalah menggantikan Lampiran 'A' kepada [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1959](#) dan harus digunakan bagi menyediakan kertas-kertas tamat perkhidmatan yang terdiri daripada ganjaran sahaja yang layak dibayar kepada orang-orang tanggungan pekerja-pekerja Kerajaan yang tidak tertakluk kepada Sistem Gaji Bersih yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.

- (iv) Pen.4 PERMOHONAN PENCEN DAN/ATAU GANJARAN  
- TERBITAN DI BAWAH SEKSYEN 10 AKTA SARAAN  
HAKIM,1971

Borang ini harus digunakan bagi menyediakan kertas-kertas tamat perkhidmatan yang terdiri daripada pencen terbitan dan/atau ganjaran terbitan dibawah Seksyen 10, Akta Saraan Hakim,1971 yang layak dibayar kepada orang-orang tanggungan hakim-hakim yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.

- (v) Pen.5 PERMOHONAN GANJARAN DIBAWAH AKTA (PENCEN  
- DAN GANJARAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI  
PARLIMEN, 1971;

Borang ini hendaklah digunakan bagi permohonan ganjaran sahaja yang layak dibayar kepada anggota-anggota Pentadbiran dan ahli-ahli Parlimen di bawah Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971.

- (vi) Pen.6 PERMOHONAN PENCEN DI BAWAH AKTA (PENCEN  
- DAN GANJARAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI  
PARLIMEN, 1971;

Borang ini hendaklah digunakan bagi menyediakan kertas-kertas tamat perkhidmatan yang terdiri daripada pencen sahaja yang layak dibayar kepada anggota-anggota Pentadbiran dan ahli-ahli Parlimen di bawah Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran

dan Ahli Parlimen, 1971.

- (vii) Pen.7 PERMOHONAN FAEDAH PERSARAAN DI BAWAH  
- AKTA SARAAN HAKIM, 1971;

Borang ini haruslah digunakan bagi menyediakan kertas-kertas tamat perkhidmatan yang berupa pencen atau pencen dan ganjaran sahaja yang layak dibayar kepada hakim-hakim yang bersara di bawah Akta Saraan Hakim, 1971.

- (viii) Pen.8 PERMOHONAN FAEDAH TERBITAN DI BAWAH  
- SEKSYEN 11, AKTA SARAAN HAKIM, 1971;

Borang ini hendaklah digunakan apabila menyediakan kertas-kertas tamat perkhidmatan yang berupa pencen terbitan sahaja di bawah Seksyen 11, Akta Saraan Hakim, 1971 yang layak dibayar kepada orang-orang tanggungan hakim-hakim yang meninggal dunia selepas persaraan.

- (ix) Pen.9 PERMOHONAN PENCEN TERBITAN KERANA KEMATIAN  
- SELEPAS BERSARA [SEKSYEN 17(2), ORDINAN PENCEN, 1951, SEBAGAIMANA DIPINDA OLEH AKTA PENCEN (PINDAAN) (NO.2), 1972];

Borang ini haruslah digunakan bagi menyediakan kertas-kertas tamat perkhidmatan yang berupa pencen terbitan sahaja di bawah seksyen 17(2), Ordinan Pencen, 1951 (Pindaan) yang layak dibayar kepada orang-orang tanggungan pekerja-pekerja Kerajaan yang meninggal dunia selepas persaraan.

- (x) Pen.10 - SIJIL AKUAN BERHUTANG/TIDAK BERHUTANG

Sijil ini ialah diantara dokumen-dokumen yang dikehendaki disediakan dan dilampirkan dengan semua kertas-kertas tamat perkhidmatan yang dikemukakan kepada Jabatan

ini. Sijil ini hendaklah dipenuhi dan ditandatangani oleh Ketua-ketua Jabatan. Bayaran semua faedah-faedah tamat perkhidmatan tidak akan dilakukan jika sijil ini tidak disertakan.

(xi) Pen.11 - OPSEN DIBAWAH PERATURAN 16 DAN 16A,  
PERATURAN-PERATURAN PENCEN, 1957;

Pen. 11 ini ialah borang opsen yang dikehendaki dilakukan oleh pekerja-pekerja Kerajaan di bawah Peraturan 16 atau 16A, Peraturan-peraturan Pencen, 1957, yang mana berkenaan. Opsen ini bolehlah dibuat pada bila-bila masa sebelum persaraan pekerja-pekerja itu.

(xii) Pen.12 - OPSEN DI BAWAH SEKSYEN 7,  
AKTA SARAAN HAKIM, 1971;

Pen. 12 ini ialah borang opsen yang dikehendaki dibuat oleh hakim-hakim di bawah Seksyen 7, Akta Saraan Hakim, 1971, yang dikehendaki dibuat pada bila-bila masa sebelum persaraan hakim-hakim itu.

(xiii) Pen.13 - GAMBAR BERUKURAN PASPOT PENERIMA PENCEN  
DAN CONTOH TANDATANGAN SERTA CAP KEDUA-DUA  
IBU JARI PENERIMA PENCEN; DAN

Pen. 13 ini hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh Ketua-ketua Jabatan, iaitu salah satu daripada dokumen-dokumen yang dikehendaki dilampirkan dengan kertas-kertas tamat perkhidmatan yang dikemukakan ke Jabatan ini, jika berkenaan.

(xiv) Pen.14 - BAYARAN PENCEN

Borang ini hendaklah dipenuhi oleh penerima-penerima pencen bagi menentukan cara-cara pembayaran pencen itu akan dibuat kepada mereka. Pen. 14 ini adalah juga dikehendaki dilampirkan dengan kertras-kertas tamat perkhidmatan yang dikemukakan ke Jabatan ini, jika berkenaan. Borang ini adalah menggantikan borang Kew. 60 yang dipakai sekarang ini.

3. Borang-borang baharu ini telah disediakan untuk melicinkan lagi pentadbiran dan pembayaran pencen dan lain-lain faedah tamat perkhidmatan yang diuruskan oleh Jabatan ini. Oleh itu Ketua-ketua Jabatan adalah dikehendaki menggunakan borang-borang baharu ini. Pesanan bagi bekalan borang-borang baharu ini bolehlah dibuat kepada Pencetak Kerajaan, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, berkaitan dengan borang Pen. 1, Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan bolehlah terus menggunakan borang Kew.100 yang sedia ada sehingga borang-borang itu habis

dalam simpanan.

Saya yang menurut perintah,

(CLEMENT Y.M. HON)

Bahagian Pencen,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,

Malaysia.

Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua- Ketua Jabatan Negeri